

07/12/1998

Qari Iran, qariah Malaysia juara tilawah

KUALA LUMPUR, Ahad - Qari dari Iran, Mohamad Gandom Najad Toosi dan qariah dari Malaysia, Sepiah Mohamad (gambar), menjuari bahagian masing-masing pada Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa ke-40, yang berakhir malam ini.

Tempat kedua bahagian qari dimenangi Achmad Mudai Bakri dari Indonesia, manakala Abdullah Latip M Daud dari Filipina menduduki tempat ketiga.

Qariah dari Indonesia, Norhayati Thahir memenangi tempat kedua, manakala peserta Filipina, Sitiie Noor Iman mendapat tempat ketiga.

Mohamad Gandom berjaya memperolehi markah sebanyak 91.25 mata, Achmad Mudai (87.25), dan Abdullah (86.42) manakala Sepiah mendapat 91.58 mata, Norhayati (88.92) dan Sitiie Noor (85.58).

Hadiah disampaikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar. Turut hadir pada majlis itu ialah Raja Permaisuri Agong, Tuanku Najihah; Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Majlis tilawah itu yang berlangsung sejak 1 Disember lalu diadakan di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Seramai 37 qari dan qariah menyertai pertandingan tahun ini. Tilawah kali ini bertemakan 'Kesejahteraan Negara Tanggungjawab Kita' diadili hakim dari Malaysia, Emeriyah Arab Bersatu, Brunei Darussalam, Thailand, Indonesia, Iraq, Libya, dan Arab Saudi.

(END)